

**Tolak pemimpin dukung liberalisme**  
**Utusan Online**  
**13 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 12 Mac - Pemimpin yang mendukung fahaman liberalisme perlu ditolak sebelum lebih ramai yang berani menyebarkannya kerana ia boleh menghancurkan umat Islam.

Presiden Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia (IRIMM), Amir Amsaa Alla Pitchay berkata, pemimpin sebegitu perlu ditolak sekeras-kerasnya agar fahaman liberalisme tidak dapat disebarikan bagi mempengaruhi masyarakat Islam lain.

"Agama Islam adalah cara hidup yang sudah lengkap dalam menjalani kehidupan kerana ia mempunyai peraturan, soal halal serta haram yang perlu diikuti oleh penganutnya.

"Maka, fahaman liberalisme yang secara terang-terangan mengkhianati agama Islam seperti menuntut hak untuk kebebasan beragama dan seks bebas perlu ditentang sama sekali," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Aktivis Dewan Amal Islami (Damai), Naser Desa dalam Siri Wacana Islam dan Isu Strategik Umat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) semalam bahawa kumpulan yang memperjuangkan fahaman liberalisme bukan sahaja menuntut hak untuk kebebasan beragama dan seks bebas, malah mahukan fatwa dihapuskan kerana dikatakan mengganggu kebebasan berfikir.

Sementara itu, Setiausaha Gabungan NGO Malaysia (GNM), Mohd. Jurit Ramli menegaskan bahawa masyarakat Islam perlu menolak sama sekali pemimpin yang mendukung fahaman itu sebelum lebih ramai orang terpengaruh.

"Semua pihak perlu bersatupadu tanpa memikirkan fahaman politik bagi memastikan agama Islam tidak diganggu-gugat. Pihak berkuasa juga perlu bertindak tegas sekiranya memang terdapat pemimpin atau individu yang mendukung fahaman liberalisme," ujar beliau.

Katanya, pendukung fahaman itu juga tidak seharusnya berada di Malaysia, sebaliknya pergi ke negara lain yang dapat menerima fahaman tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)